

15/02/1997

Kota Kinabalu menanti penuh debaran

Lichong Angkui

SEGALA-GALANYA sudah siap bagi perlumbaan basikal bertaraf dunia, Le Tour de Langkawi 1997 (LTDL '97), memulakan saingan perlumbaan peringkat pertama yang akan bermula di Kota Kinabalu, Rabu ini.

Sehubungan dengan itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan meraikan 255 peserta dan pegawai membabitkan 25 pasukan seluruh dunia pada satu jamuan tengah hari di Pusat Perdagangan Sabah (STC), Selasa ini.

Pada majlis sama, Perdana Menteri dijadual menerima sumbangan daripada penaja yang membiayai perbelanjaan acara berkenaan yang dianggar membabitkan kos RM15 juta.

Bagi peringkat pertama di Sabah, perlumbaan merangkumi jarak 19.1 kilometer itu bermula di Padang Merdeka dan melalui beberapa kawasan lasak - antaranya melepasi Jalan Istana, Jalan Tuaran, Lebuhraya Pantai Baru, Teluk Likas/Pelabuhan dan Jalan Balai Polis.

Perlumbaan sebenar bermula pada Rabu, sehari selepas peserta diraikan Dr Mahathir, dan peserta dijangka dilepaskan oleh Menteri Pelancongan dan Alam Sekitar Sabah, Datuk Seri Panglima Bernard Dompok, jam 10 pagi di Padang Merdeka, Kota Kinabalu.

Selain Malaysia selaku tuan rumah, peserta antarabangsa termasuk daripada 24 negara, antaranya Australia, Itali, Perancis, Switzerland, Denmark, New Zealand, Jerman, Kanada.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah, Datuk Lajim Ukin, berkata persiapan bagi pelancaran perlumbaan itu sudah pun kemaskini dan tidak menjangka timbul sebarang masalah.

"Pada Selasa ini, Perdana Menteri akan beramah-mesra dengan peserta dan kemudian menghadiri jamuan tengah hari bersama mereka," katanya di Kota Kinabalu, semalam.

Sementara itu, Pengerusi penganjur, Kolonel Datuk Abdul Rashid Ghani, berkata persiapan menganjurkan pertandingan itu sudah siap dan lebih 200 petugas sudah dikerah menjayakannya.

Katanya, penganjur bagi sektor Sabah turut meminta kerjasama Majlis Perbandaran Kota Kinabalu (MPKK), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan beberapa agensi kerajaan untuk memastikan kelancaran pertandingan.

Dia berharap pertandingan LTDL 97 itu, kali pertama membabitkan Sabah dan Sarawak, akan membantu mempromosikan Sabah sebagai lokasi terbaik bagi sukan berbasikal.

(END)